



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	UTAMAKAN PRODUK JENAMA MALAYSIA, NASIONAL, SH -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	NILAI EKSPORT SARANG BURUNG WALIT DIJANGKA MENINGKAT, NASIONAL, SH -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	MAN ALLEGEDLY DROWNS CATS AT LAUNDRETTE, NEWS IN BRIEF, NST -10	
4.	CARI SEBELUM DIBELASAH, MUKA DEPAN, HM -1	
5.	LELAKI DISYAKI BUNUH 3 KUCING DIREMAN 4 HARI, NASIONAL, BH -17	
6.	LELAKI TAK SIUMAN RUPANYA, LOKAL, HM -6	
7.	'HIDUNG BERDARAH, MULUT BERBUJUH', LOKAL, HM -6	
8.	POLIS REMAN 4 HARI, LOKAL, HM -6	
9.	PERNIAGAAN TELUR ITIK JANA HASIL LUMAYAN, BISNES SINAR, SH -30	
10.	GBHM MANTAPKAN KOMUNITI TANI MUKAH, STAIL, UTUSAN SARAWAK -22	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Utamakan produk jenama Malaysia



Menang membeli
menang memakai

Musim durian tiba lagi. Bukan sahaja baunya dihidu merata tempat tapi cerita tentang durian turut memenuhi 'posting' di media sosial. Cerita susah payah mencari durian, kongsi 'review' penjual durian malah lagi hebat bila ada yang berkongsi video makan durian. Nikmat dapat merasa pelbagai jenis durian; Musang King, D24, Duri Hitam, IOI, Tekah dan tak kurang juga durian kampung.

Semestinya Musang King menjadi sebutan dan pilihan utama. Peminat Musang King bukan sahaja orang-orang Malaysia. Malah orang dari China, Singapura, Brunei dan Indonesia turut ingin mendapatkan raja buah ini. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga menjangka 1,000 tan Musang King (D197) dan Black Thorn (D200) dieksport ke China setiap bulan dengan nilai eksport kira-kira RM500 juta setahun. Hebat produk Malaysia ini!

Selain durian Musang King, Malaysia juga mempunyai produk lain yang berkualiti. Proton, Perodua dan Modenas adalah jenama produk Malaysia yang terkenal dalam bidang automotif. Rakyat Malaysia yakin dengan kemampuan jenama ini. Sebagai bukti, jalan raya penuh dengan kereta Proton dan Perodua pelbagai jenis.

Tapi tak semua produk Malaysia menjadi kebanggaan rakyat sendiri. Orang Malaysia masih berpaling daripada jenama Malaysia untuk barangan elektrik. Ada juga yang masih tak tahu Khind dan Pensonic adalah produk Malaysia.

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia seharusnya membuka mata rakyat Malaysia untuk mengutamakan produk Malaysia. Hal ini kerana banyak negara telah memulakan kempen untuk utamakan barangan tempatan. Amerika telah mula 'hentikan' pengimportan barang dari luar negara terutama China. Britain pula telah melancarkan *Buy British First*. Begitu juga China, Jepun dan Korea.

Bagi rakyat Malaysia, kebanyakan pendapatan perniaga yang terkesan ialah pengeluaran produk tempatan kerana selama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga PKPP (Pemulihan), orang ramai hanya membeli barang keperluan asas seperti makanan dan barang dapur.

Sudah sampai masanya rasa cintakan Malaysia diserlahkan dalam bentuk menyokong produk dan jenama Malaysia setelah

empat bulan kita bersatu hati melawan pandemik ini.

Kempen

Sejajar dengan itu kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan salah satu daripada inisiatif Penjana ialah Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kempen yang sinonim dengan Kementerian ini dilihat sangat signifikan sebagai satu langkah yang tepat untuk membantu melonjakkan ekonomi dalam waktu yang sama membantu usahawan dan syarikat tempatan untuk terus beroperasi dan para pekerjaannya terus bekerja untuk kelangsungan hidup.

Berangkap mengenai KBBM, mengimbau kembali iklan kasut buatan Gombak yang popular. Iklan yang diterbitkan pada 1998 yang mengisahkan seorang pemuda mengangkat barangan buatan tempatan sebagai pilihan pertamanya.

Iklan hari Kemerdekaan Negara ke-41 penerbitan Petronas itu telah mengangkat martabat jenama tempatan setanding barangan luar negara. Masih teringat dialog gadis di dalam bas dalam iklan tersebut, "Tak salahkan? Kasut buatan Gombak kan bagus. Setelah sekian lama kita merdeka, kita patut bangga dengan barangan buatan sendiri." Sebagai membalas kata-kata pemuda yang duduk di sebelahnya apabila penumpang lain melihatnya sinis seolah-olah mengeji kasut Gombak yang dipakainya.

Semangat pemuda dan pemudi itu harus dijunjung. Sedangkan ramai segenerasinya sanggup bergolok-bergadai hanya untuk me-

miliki barangan jenama antarabangsa.

Malaysia memiliki banyak produk daripada pelbagai jenama yang tidak kurang hebatnya. Sebagai contoh, anak muda kelahiran Besut mengangkat nama negara dengan mengeluarakan seluar 'jeans' yang bernas di bawah jenama *Raw Denim House*. Siapa sangka barangan daripada Besut berjaya menembusi pasaran antarabangsa setanding jenama-jenama lain yang mendominasi pasaran seluar denim.

Telengk Siti Khadijah, produk Neelofa, Tudung Bawal dan Ariani, batik Bujins, Kapten dan Nor Arfa memelopori jenama tempatan dalam bidang busana. Habib Jewels, Wah Chan dan Poh Kong pula dalam bidang perhiasan dan aksesori. Khind, Pensonic, Elba, Mistral dalam sektor perkhidmatan rumah. Banyak lagi yang telah berjaya mengangkat nama negara di persada dunia.

Ini belum lagi sektor makanan dalam industri francais yang telah berada di pasaran antarabangsa seperti Marrybrown, Gloria Jeans dan Tealives. SimplySiti, Safi Rania, Enchanteur dan Silkygirl pula terkenal dalam bidang kecantikan.

Sokong

Apa yang menghairankan, mengapa masih ramai rakyat Malaysia yang masih memuja jenama luar dan lebih ekstrem sehingga sanggup ke luar negara untuk berbelanja? Apakah yang bermain dalam pemikiran rakyat Malaysia tentang standard dan kualiti produk Malaysia?

Pemulaan syarikat-syarikat gergasi pastinya seperti syarikat PKS tempatan kita. Kejayaan yang mereka miliki adalah daripada sokongan masyarakat tempatan dan keper-

cayaan yang diberikan dengan membeli produk tersebut. Contohnya jenama SONY dan Samsung yang menjadi kebanggaan masyarakat Jepun dan Korea.

Sampai bila produk Malaysia menjadi produk sampingan, pilihan kedua rakyat Malaysia? Seharusnya rakyat Malaysia menyahut seruan kerajaan yang gigih mempromosikan produk tempatan. Setiap produk dan jenama tempatan sepatutnya menjadi pilihan pertama rakyat Malaysia. Dekat di mata, dekat lagi di hati.

Kadang-kadang kita tertipu dek kerana nama daripada memikirkan kualiti atau harga. Di sini letaknya kebijaksanaan sebagai seorang pengguna bestari sama ada membeli atas keperluan atau kehendak, kerana jenama atau kualiti.

Peribahasa "alah membeli, menang memakai" harus ditukar menjadi "menang membeli, menang memakai" terutama dalam perkembangan dunia yang serba pantas terhadap fesyen dan teknologi.

Kenapa kita perlu beri keutamaan kepada produk Malaysia terutama selepas PKP ini? Sokongan rakyat Malaysia amat diperlukan untuk memastikan pengeluaran dan penguasaan tempatan tidak terus ditakuk lama. Peningkatan R&D untuk mengembangkan produk dan syarikat tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan pulangan modal.

Kedua, bukan sahaja dapat membantu pengeluaran tempatan terus hidup dan bersaing tetapi peluang pekerjaan turut terbuka kepada rakyat Malaysia lebih-lebih lagi golongan B40 dan M40 yang terjejas akibat pandemik ini.

Ketiga, untuk mengurangkan pengaliran wang ke luar negara dan meruncitkan ekonomi domestik kita yang telah merudum -6% akibat PKP.

Alasan malas nak pergi ke malls tidak boleh diterima kerana produk Malaysia juga tersebar dalam pasaran dalam talian. E-dagang telah membuka lebih banyak peluang kepada produk tempatan untuk duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan produk antarabangsa. Yang menentukan status ini tidak lain dan tidak bukan, rakyat Malaysia sendiri.

Kita harap para penancit membantu dalam menonjolkan produk Malaysia di rak-rak yang prominen dengan label produk Malaysia yang jelas supaya rakyat dapat menyokong dan membelinya. Kita dihabarkan kempen ini akan berjalan dari sekarang hingga Disember dengan pelbagai tema. Langkahlah dengan yakin dan selamat bersama keluarga membeli produk Malaysia demi untuk memulihkan kembali ekonomi negara.

Kalau bukan kita, siapa lagi? Jaciulah rakyat yang berbangga dengan produk kita.

#barangbaikbarangkita
#belanjauntukMalaysia
#sokongprodukjenamaMalaysia



Barangan buatan Malaysia kualitinya terjamin, harga juga sangat berbaloi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

Nilai eksport sarang burung walit dijangka meningkat



Dr Norlizan (dua dari kiri) meninjau pemrosesan sarang burung walit belum bersih di kilang RUC EBN dekat Melaka semalam.

MELAKA - Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyasarkan peningkatan jumlah eksport sarang burung walit bernilai RM3 bilion menjelang hujung tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, sasaran itu melibatkan sarang burung walit bersih (RC EBN) dan sarang burung walit belum bersih (RUC EBN), selain nilai tambah bahan produk berasaskan sarang burung tersebut yang mendapat permintaan tinggi di China.

Menurutnya, sepanjang tahun lalu, Malaysia merekodkan nilai eskport sarang burung walit berjumlah RM1.154 bilion yang bersamaan 5,654 tan metrik, sekali gus menjadi negara kedua terbesar

dalam industri pengeluaran sarang burung walit selepas Indonesia.

“Angka itu juga menjadikan industri berkenaan sebagai antara penyumbang terbesar kepada hasil negara dalam industri penternakan.

“Kerajaan sentiasa komited menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk membantu semua pihak yang terlibat dalam industri burung walit,” katanya selepas melawat Loji Pemrosesan Sarang Burung Walit Belum Bersih di Melaka Raya dekat Banda Hilir di sini semalam.

Beliau sebelum itu turut merasmikan pelancaran Konsainan RUC EBN ke China oleh MBN Enterprise.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2020	NST	NEWS IN BRIEF	10



A screenshot of closed-circuit television footage of the man who allegedly killed three cats at a self-service laundrette in Kepong, Kuala Lumpur, on Sunday. PIC COURTESY OF READER

Man allegedly drowns cats at laundrette

KUALA LUMPUR: Unkind and cruel are the words to describe the behaviour of a man who drowned three cats in a washing machine at a self-service laundrette in Kepong here on Sunday.

Gombak district police chief Assistant Commissioner Arifai Tarawe said a report was received on the incident from a 39-year-old woman at 9.30am.

"When she went to the laundry to wash her clothes, she found three dead cats in


three separate washing machines.

"The woman then reported the incident to the police," he said in a statement.

Arifai added that further investigation via closed-circuit television footage showed a man putting the three cats in the washing machines at 5.30am.

The case has been referred to the Shah Alam Veterinary Office for further action under the Animal Welfare Act 2015. **Berna-**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2020	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



WANITA SELAMAT 'PENDERA' KUCING

CARI SEBELUM DIBELASAH

Seorang wanita mendedahkan lelaki yang didakwa membunuh tiga ekor kucing dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, dua hari lalu adalah kurang siuman dan hidup gelandangan. Lelaki terbabit yang berusia 30-an didakwa 'hilang arah' selepas kematian ibu bapanya. Malah, sebaik mengetahui perbuatan dilakukan itu, wanita berkenaan mencari dan membawanya pulang ke rumah sebelum menghubungi polis. Tindakan terbabit bagi mengelak lelaki itu dipukul orang ramai sebaik kejadian berkenaan tular di media sosial, dia kini direman empat hari. lapor Muhaamad Hafis Nawawi

MS 6

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Lelaki disyaki bunuh 3 kucing direman 4 hari

Kuala Lumpur: Lelaki berusia 30-an yang disyaki membunuh tiga kucing secara kejam dengan melemaskan haiwan itu di dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, di sini, kelmarin, direman empat hari.

Suspek kini ditahan dalam lokap polis selepas Mahkamah Majistret Selayang membenarkan permohonan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menahan reman suspek bagi membantu siasatan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr Zainita Mohd Noor, berkata bangkai kucing itu sudah diambil untuk dibedah siasat bagi penyediaan laporan awal.

“Ta masih dalam siasatan dan proses penyediaan kertas laporan siasatan sedang dibuat,” katanya ketika dihubungi.

Kelmarin, seorang wanita mendedahkan dalam laman media sosial mengenai tindakan kejam individu yang membunuh tiga ekor kucing dengan cara dilemaskan dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong.

TIGA KUCING DIBUNUH KEJAM

Lelaki tak siuman rupanya

Bimbang suspek dcederakan orang awam, wanita panggil polis 'jemput' di rumah

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Sebaik menyedari kejadian itu tular, saya yang bimbang lelaki kurang siuman itu mungkin dcederakan lalu keluar mencarinya di sekitar kawasan perumahan selepas Maghrib malam tadi (kelmarin)," kata Nur Hafizah Mohd Yusof, 38.

Wanita itu adalah individu yang menemui lelaki berusia 30-an yang membunuh tiga kucing secara kejam dengan 'dilemaskan' dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, kelmarin.

Nur Hafizah berkata, dia menyedari kejadian itu selepas gambar lelaki terbabit melakukan perbuatan itu tular dan turut dikongsi dalam aplikasi WhatsApp penduduk di Aman Puri.

Menurutnya, dia mengetahui lelaki terbabit sebenarnya kurang siuman dan hidup gelandangan selepas kematian ibu bapanya.



Saya nekad mencari dan mujur menemuinya kira-kira jam 9 malam (kelmarin) kerana bimbang mungkin akan dipukul jika orang lain yang menemuinya, lebih awal"

Nur Hafizah Mohd Yusof

"Dia (lelaki terbabit) kebiasaannya akan merayau dan berjalan kaki dari Aman Puri ke Taman Ehsan, Kepong serta selalunya tidur di kawasan parkir di kawasan perumahan (Aman Puri) ini.

"Saya nekad mencari dan mujur menemuinya kira-kira jam 9 malam (kelmarin) kerana bimbang mungkin akan dipukul jika orang lain yang menemuinya lebih awal," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, selepas menjumpai lelaki itu, rakannya juga datang membantu dan membawanya ke rumah sebelum menghubungi pihak polis.



KEJADIAN 'melemas' tiga ekor kucing yang bertaku di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong.

"Dia langsung tidak bertindak agresif dan tidak lama kemudian anggota polis datang sebelum empat pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tiba sekitar jam 12 tengah malam (semalam).

"Saya juga ada memberitahu kepada pegawai terbabit keadaan lelaki itu dan berharap dia dihantar ke hospital untuk pemeriksaan kesihatan sebelum mereka membawanya," katanya.

Katanya, dia juga menjadi mangsa kecaman netizen selepas didakwa isteri lelaki itu sebaik gambar wanita berpujud bersama lelaki itu tular di media sosial.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, kes terbabit sudah di-


ambil alih oleh JPV dan siasatan dibuat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Dalam pada itu, Pegawai Perhubungan Awam JPV Dr Zainita Mohd Noor berkata, pihaknya sudah mengambil tindakan dan siasatan sedang dijalankan.

Difahamkan, suspek direman empat hari bermula semalam untuk membantu siasatan kes itu.

Harian Metro semalam melaporkan luhuh hati seorang wanita apabila melihat tiga kucing dibunuh kejam dengan 'dilemaskan' dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong.

Tindakan kejam itu dipercayai dilakukan seorang lelaki berusia 30-an kira-kira jam 5.30 pagi.



SUSPEK beradu di rumah Nur Hafizah

'Hidung berdarah, mulut berbuih'

Kuala Lumpur: Hidung berdarah, mulut berbuih dan lidah terjelit.

Itu keadaan tiga bangkai kucing ditemui seorang wanita akibat dibunuh secara kejam dengan 'dilemaskan' dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di sebuah apartmen di Kepong di sini, kelmarin.

Penghuni apartmen yang mahu dikenali sebagai Radidah, 39, berkata, dia menemui bangkai kucing itu ketika mahu mencuci pakaian di premis berkenaan kira-kira jam 9 pagi.

Katanya, dia terkejut sebaik mendapati terdapat bangkai kucing di dalam tiga daripada kira-kira 10 mesin basuh yang dipasang di



KEADAAN seekor kucing yang 'dilemaskan' lelaki tidak siuman.

premis terbabit.

"Saya terkejut melihat bangkai haiwan itu apabila mendapati dua daripada ku-

cing terbabit mengalami pendarahan pada hidung serta mulut berbuih.

"Bangkai seekor lagi ku-

cing pula dilihat dalam keadaan lidahnya terjelit," katanya ketika dihubungi di sini.

Katanya, dia kemudian menghubungi polis sebelum tampil di Balai Polis Taman Desa Jaya untuk memberi keterangan berhubung kes itu.

"Berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di premis itu, ada seorang lelaki dilihat meletakkan kucing berkenaan secara bergilir-gilir ke dalam mesin terbabit jam 5.30 pagi.

"Menurut pengawal keselamatan di apartmen ini, lelaki terbabit yang juga penduduk di situ dipercayai mempunyai masalah mental," katanya.

Polis reman 4 hari

Kuala Lumpur: Lelaki berusia 30-an yang membunuh tiga kucing secara kejam dengan 'dilemaskan' dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong kelmarin direman empat hari.

Menurut sumber, suspek diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) semalam oleh penduduk yang mengenalinya dan dia direman bagi membantu siasatan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Perkhidmatan Veterinar Dr Zainita Mohd Noor berkata, bangkai kucing itu diambil untuk dibuat bedah siasat bagi penyediaan la-

poran awal.

"Ia masih dalam siasatan dan penyediaan kertas laporan siasatan," katanya ketika dihubungi.

Harian Metro semalam melaporkan luhuh hati seorang wanita apabila melihat tiga kucing dibunuh kejam dengan 'dilemaskan' dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong. Tindakan kejam itu dipercayai dilakukan seorang lelaki berusia 30-an kira-kira jam 5.30 pagi.

Lelaki terbabit yang didakwa kurang siuman dan hidup gelandangan selepas kematian ibu bapanya ditahan bagi membantu siasatan selepas ditemui penduduk di Aman Puri.



Abdullah melakukan rutin harlinnya di ladang ternakan itik penelur seluas 0.3 hektar di kawasan rizab padang ragut JPV.



Abdullah menunjukkan itik penelur yang dipelihara di ladangnya di Kampung Baru Huma Luas, Maran, Pahang.

Perniagaan telur itik jana hasil lumayan

Abdullah bercadang besarkan ladang, tambah bilangan itik sehingga 10,000 ekor

Oleh NORAWAZNTI YUSOF

Seorang usahawan ternakan itik penelur, Abdullah Yusoff dari Kampung Baru Huma Luas, Maran, Pahang bercadang meningkatkan lagi bilangan itik dipelihara daripada 4,000 kepada 10,000 ekor.

Beliau berkata, perancangan tersebut didorong oleh permintaan yang tinggi dalam pasaran susulan perubahan selera pengguna terhadap telur haiwan ternakan berkenaan.

"Terus terang saya cakap pesanan yang diterima pada setiap hari meningkat dan

permintaan bukan hanya daripada pembeli tempatan malah luar Pahang.

"Situasi ini membuatkan saya tidak menyangkan kerana sedaya upaya berusaha memenuhi permintaan ramai termasuk pemborong dan peniaga," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Menurutnya, hasil telur ternakan itik yang diusahakan di ladang seluas 0.3 hektar di hutan kawasan rizab padang ragut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) itu amat memuaskan.

"Setiap hari saya akan mengutip kira-kira 2,500 hingga 2,900 telur dan dikumpulkan sebelum diedarkan kepada pelanggan yang membuat pesanan.

"Atas sebab ini saya mahu menambah lagi bilangan itik sedia ada kerana saya melihat penternakan itik mempunyai prospek dan mampu berkembang lebih jauh," katanya yang turut menjual telur dari ladangnya itu secara dalam talian.

Harga berpatutan

Abdullah berkata, antara faktor prospek perniagaan telur itik diusahakan itu berkembang maju disebabkan oleh harga berpatutan yang ditawarkan kepada pelanggan.

"Harga telur mengikut saiz iaitu 60 sen untuk gred A dan 40 sen untuk gred B. Setakat ini dua saiz telur segar sahaja yang saya jual manakala telur gred C saya jadikan sebagai telur asin.

"Pengelasan saiz telur dan gred dibuat bagi memastikan pembeli berpuas hati dengan telur yang saya jual," katanya yang meraih pendapatan antara RM1,500 hingga RM1,700 sehari hasil perniagaan telur itik yang diusahakannya itu.

Selain menambah dan membesarkan lagi ladang miliknya, bapa kepada dua anak itu berkata, beliau juga berazam mahu menaja pengeluaran telur itik terbesar di Pahang



TELUR ITIK

- Purata berat telur itik ialah kira-kira 130 gram.
- Telur itik kaya dengan vitamin B2, protein, mineral, kalsium dan zat besi.
- Telur itik terdiri daripada 52.6 putih telur, 35.4 peratus kuning telur dan selebihnya pula adalah cengkerang.

susulan prospek pasaran yang menjanjikan pulangan lumayan.

"Sokongan dan khidmat nasihat JPV menambahkan lagi keyakinan saya untuk menjadi pengeluar terbesar telur itik di Pahang bagi memenuhi pasaran tempatan serta luar.

"Di samping itu, kawasan luas yang disediakan JPV juga memberikan lebih peluang untuk memperbesarkan lagi projek ternakan, sekali gus menjadi pusat penjualan telur itik terkemuka di negeri ini," katanya.

Justeru, beliau kini sedang giat mengumpul modal bagi memastikan sasarannya itu dapat dicapai.

"Saya harap semua perancangan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar sebagaimana yang ditetapkan.

"Namun, saya hanya mampu berdoa dan berusaha kerana ALLAH sahaja sebaik-baik perancang kepada segalanya," katanya.



Abdullah mencuci telur segar yang dihasilkan dari ladang itik miliknya.



14. TAHUN #KEKALNEUTRAL

Headline	GBHM mantapkan komuniti tani Mukah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	14 Jul 2020	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	22	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	794 cm ²
Journalist	HENRY B SIYU	AdValue	RM 7,399
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 22,196



GBHM mantapkan komuniti tani Mukah

HENRY B SIYU

UNTUK memupukkan semangat kerjasama antara komuniti tani di sini, sebuah kumpulan WhatsApp yang diberi nama Generasi Bumi Hijau Mukah (GBHM) telah diwujudkan.

Kumpulan baru diwujudkan ini telah diasaskan oleh ahli Jemaah Pengarah Perubuhan Peladang Kawasan Mukah (PPK Mukah), Manuchih Smith, yang lebih dikenali sebagai Manu atau Raja Kelulut Daerah Mukah.

Ahli-ahlinya amat berharap ia akan menjadi sebagai wadah untuk memantapkan lagi industri pertanian tempatan.

Dengan lebih daripada 20 ahli sejak ini, sememangnya ditubuhkan ia mampu menarik lebih ramai lagi untuk menyertai GBHM kerana ia terbuka kepada semua keluarga tani di kawasan bahagian Ke-10

KELULUT... pelawat di Ladang Kelulut Manu.



Sarawak ini, iaitu Mukah.

Ia telah berjaya mengumpul segenap masyarakat daripada belia hingga ke warga emas termasuk golongan wanita terutama sekali suri rumah.

"Saya sebagai ketua Kumpulan GBHM bersyukur kerana berjaya mengumpul ahli-ahli pekebun kecil, peniernak dan pengusaha

bagai aktiviti dalam pertanian dari segenap pelosok bahagian Mukah iaitu dari Balingian hingga ke Pulau Bruit. Kita berharap ahli-ahli untuk berkongsi kisah dan pengalaman dalam sebagainya untuk kebaikan bersama," ujarnya.

Mereka mensasarkan penglibatan setiap lapisan masyarakat dan impian untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan dan sekurang-kurangnya untuk kegunaan sendiri.

"Sasaran saya adalah

untuk menarik minat para belia, dewasa, dan pesara untuk bercucuk tanam dan apa jua aktiviti pertanian yang mereka ceburi dan seterusnya merealisasikan atau menyahut seruan kerajaan terutama

berkisar slogan Pertanian Adalah Satu Perniagaan. Kumpulan ini akan memfokuskan ahli-ahlinya dari masa ke semasa," tambah Manuchih lagi.

Kumpulan ini juga menyedari bahawa kejayaan seseorang dalam bidang tani ini sama ada pertanian skala kecil-kecilan atau besar-besaran adalah tertakluk kepada kegigihan pengusahanya. Justeru mereka berharap perkongsian ilmu dan pengalaman masing-masing boleh memantapkan lagi status dan aspirasi untuk menjadi pertanian itu adalah perniagaan dan seterusnya sebagai punca pendapatan utama keluarga.

Aktiviti-aktiviti pertanian ahli GBHM ialah ternakan



JASA KEPADA TANAH... Manuchih Smith dengan buah nangka yang ditanam di kawasan rumahnya di Kampung Tellian Mukah.

kelulut, ternakan burung walit, ternakan unggas seperti ayam, burung puyuh, itik penelur & pendaging, termasuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan (pelbagai jenis kelapa, pandan, pisang berangan, belimbing, rock melon, limau, tembikai, cili dan durian).

Oleh kerana kawasan sebelah sini merupakan kawasan pengeluar rumbia terbesar di dunia, jadi sudah semestinya tanaman rumbia adalah antara aktiviti ahli-ahli dalam kumpulan hijau ini.

Antara topik yang sering diperbincangkan oleh ahli-ahli dalam kumpulan WhatsApp ini ialah masalah pemasaran, cara mengatasi penyakit tanaman dan sebagainya berkaitan dengan bidang pertanian, termasuk pengetahuan dan teknologi terkini.

Untuk memantapkan lagi pengetahuan mereka dalam pertanian, kumpulan ini juga ada menghantarkan ahli-ahlinya untuk menyertai kursus.

Sementara itu bagi peningkatan ilmu, kumpulan ini mendapat nasihat yang cukup bermakna oleh pakar-pakar, umpamanya, pemenang Peladang Jaya kebangsaan MAHA, Morsidi Ramli.

Dan dalam masa yang sama, GBHM juga berhasrat

untuk memohon kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan iaitu Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA, PPK dan sebagainya.

Baru-baru ini beberapa ahli GBHM telah menyertai Kursus Fertigasi yang dikatakan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat.

Selain daripada menyertai kursus, mereka juga didedahkan dengan pelbagai bantuan kerajaan terutama sekali dibawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara yang meluluskan Projek Pertanian Bandar untuk semua penduduk yang berminda.

Dengan adanya projek ini, kerajaan berharap ia dapat membantu mengurangkan kos sara hidup orang bandar dan pinggir bandar yang terkesan akibat krisis Covid-19.

Projek ini telah dipecahkan kepada dua kategori iaitu Kategori Komuniti (projek dilaksana di sekitar kediaman secara berkumpulan dengan bilangan minimum 10 orang peserta) dan Kategori Individu (projek dilaksanakan secara individu di kawasan kediaman masing-masing).

GBHM adalah merupakan Kumpulan WhatsApp yang pertama seumpamanya di kawasan ini membatikn komuniti tani.



BIBIT KEJAYAAN... Sayur yang ditanam oleh salah seorang ahli GBHM.



TERNAKAN AYAM... Antara ternakan yang popular di kalangan petani tempatan.